



**PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK**  
*Administrative and Diplomatic Officers' Alumni Association*  
**(ALUMNI PTD)**

**UNTUK SIARAN SEGERA**

**KENYATAAN AKHBAR OLEH PERSATUAN ALUMNI PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK (ALUMNI PTD)**

**Sokongan Terhadap Perutusan Ketua Setia Usaha Negara Untuk Memperkukuhkan Tahap Integriti Perkhidmatan Awam**

Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik (Alumni PTD) mengalu-alukan dan menyokong penuh perutusan Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, di Majlis Amanat KSN 2022, baru-baru ini, yang menyeru penjawat awam supaya memperkukuhkan lagi tahap integriti mereka supaya membendung gejala rasuah dalam perkhidmatan awam Malaysia disamping mempertingkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan mereka untuk memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat.

Alumni PTD berpendapat perutusan tersebut adalah kena pada masanya memandangkan, akhir-akhir ini, rasuah dalam perkhidmatan awam telah mendapat liputan yang meluas di dalam dan diluar negara dan wajar ditangani segera demi memelihara imej perkhidmatan awam Malaysia dan juga negara. Selari dengan Pelan Anti-Rasuah Negara, tindakan-tindakan yang lebih tegas harus diambil dengan segera untuk memastikan usaha-usaha untuk memulihkan ekonomi negara yang terjejas oleh pandemik Covid-19 dapat berjalan dengan lancar dan benar-benar mengurangkan ketirisan yang disebabkan oleh perbuatan rasuah.

Dalam konteks ini, Alumni PTD bersedia untuk mengadakan kerjasama rapat dengan pemimpin-pemimpin perkhidmatan awam kearah memperhebatkan lagi usaha-usaha bagi meningkatkan integriti dan membenters rasuah dalam perkhidmatan awam.

**Tan Sri Abdul Halim Ali**

Presiden

Persatuan Alumni Pegawai Tadbir dan Diplomatik